

04 SEP 1997

Zahid - Ekonomi

PEMUDA UMNO MINTA KERAJAAN KAJI PENCAPAIAN SEBENAR ORANG MELAYU

KUALA LUMPUR, 4 Sept (Bernama) -- Pergerakan Pemuda Umno hari ini meminta kerajaan membuat kajian semula rekod dan pencapaian sebenar orang Melayu dalam perniagaan.

Ketua pergerakan itu, Datuk Ahmad Zahid Hamidi, berkata kajian itu harus merangkumi syarikat-syarikat yang disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) bagi menentukan penguasaan sebenar Melayu dalam syarikat.

"Soal pemilikan dan penguasaan orang Melayu dalam ekonomi negara adalah dua perkara yang berbeza.

"Orang Melayu mungkin memiliki saham majoriti dalam sesebuah syarikat tetapi apakah mereka menguasai syarikat itu?," katanya pada Persidangan Pergerakan Pemuda Umno, di Pusat Dagangan Dunia Putra, di sini.

Beliau berkata Pemuda Umno membangkitkan perkara itu kerana tidak mahu orang Melayu berterusan diperkudakan oleh orang lain bagi meraih agihan ekonomi negara yang lebih besar.

"Kita tidak mahu melihat orang Melayu dikatakan mempunyai ekuiti dan jawatan yang gah dalam syarikat tetapi tidak boleh membuat keputusan," kata Zahid dalam ucapan sulungnya sebagai ketua pemuda pada persidangan pergerakan itu.

Beliau berkata bagi memastikan sesuatu projek kerajaan diberikan kepada usahawan Melayu tulen, syarikat berkenaan harus mempunyai rekod pencapaian yang sesuai.

"Sekiranya tidak, kita bimbang syarikat ini hanya akan menjadi tabir kepada syarikat-syarikat bukan Melayu di belakangnya," katanya.

Sehubungan itu, beliau menarik perhatian kepada hasrat Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Presiden Umno, mengenai perkongsian pintar.

"Walaupun beliau merujuk kepada perkongsian antara negara, kita boleh mengambil iktibar dan melaksanakan dalam konteks hubungan perniagaan antara bangsa-bangsa di Malaysia," katanya.

Mengenai penswastan, Zahid berkata pelaksanaan program itu tidak harus membebankan rakyat, meminggirkan usahawan bumiputera, mengetepikan dasar utama kerajaan, syarikat-syarikat tertentu mengaut keuntungan berlebihan dan agihan keuntungan tidak diwajibkan dengan pertanggungjawaban sosial.

"Usahawan-usahawan Melayu yang dahulunya menjadi kontraktor utama tetapi disebabkan pelaksanaan yang tidak begitu rapi telah menyebabkan mereka hanya menjadi sub-sub-sub kontraktor kepada sub-sub kontraktor yang menjadi sub kontraktor kepada kontraktor besar yang mengambil kontrak dari syarikat berkenaan," katanya.

Beliau berkata kajian Rancangan Malaysia ke-Enam (RMK6) menunjukkan kontraktor Melayu cuma memperoleh kontrak bernilai RM620 juta atau lima peratus berbanding kontraktor bukan Melayu yang meraih sebanyak RM10.3 billion atau 95 peratus.

Zahid juga menyentuh mengenai pembangunan tanah Melayu dengan meminta kerajaan supaya memberikan perhatian yang berterusan kepada soal tanah, yang merupakan aset paling berharga bagi orang Melayu.

Ini memandangkan sejak akhir-akhir ini banyak tanah milik Melayu termasuk tanah rancangan Felda yang dibeli atau diambil bagi tujuan pembangunan industri atau pembinaan bandar baru, katanya.

Pemuda Umno bersetuju supaya hartanah milik Melayu sama ada tanah bebas, tanah rancangan atau tanah rizab harus dibangunkan terutama yang terletak berhampiran dengan pusat pertumbuhan.

"Bagaimanapun dalam kes pembangunan tanah rancangan Felda, sebagai contoh, kita mesti terus memperjuangkan nasib pemilik-pemilik tanah ini kerana apabila tanah mereka dibangunkan atau dimajukan, mereka tidak dipinggirkan," katanya.

Selain tanah rancangan Felda, Zahid berkata banyak tanah Melayu diserang oleh pembeli-pembeli tanah bangsa asing.

"Kini tinggal hanya 16 peratus hartanah Melayu di bandar-bandar dan Melayu cuma menguasai 10.5 peratus sahaja lot-lot kedai di bandar-bandar.

"Kita ingin meminta kerajaan khususnya kerajaan-kerajaan negeri untuk melihat semula pembangunan dan pemilikan hartanah Melayu," katanya.

Zahid juga mengulangi pendirian pergerakan itu untuk membantu mengatasi gejala sosial yang banyak membabitkan orang Melayu serta memerangi rasuah secara habis-habisan. -- BERNAMA

AZZ NAK